

CNS9666

R GB 04-04 00157 BA108

aab

MAHATHIR GESA UMAT ISLAM KUASAI SEMUA ILMU

Mahathir

Embargo: (Untuk siaran pada Malam Hari Raya)

Kuala Lumpur, 4 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata umat islam perlu mengubah sikap dengan bekerja lebih kuat, menguasai semua ilmu, meninggikan produktiviti dan mengejar kebahagiaan di akhirat.

Dalam perutusan hari raya Aidilfitri, Perdana Menteri berkata untuk maju, umat Islam perlu menggembelngkan semangat menimba ilmu dalam semua bidang.

+ ini adalah juga selaras dengan cita-cita kita untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Ibadat yang diwajibkan tidak perlu dicicirkan kerana mengejar kemajuan di dunia,+ katanya dan menambah kata, kedua-duanya boleh dikejar bersama-sama.

Dalam dunia yang serba moden dan bersaing ini, umat Islam hendaklah melipat-gandakan usaha untuk maju dalam semua bidang selaras dengan kemajuan dunia hari ini, katanya.

+Kita tidak mahu melihat umat islam ketinggalan kerana kononnya mengejar kebahagiaan di akhirat,+ katanya. -- Lagi

▼04/04/10-52MST

CNS9667

R GB 04-04 00153 BA109

aab

Mahathir 2 Kuala Lumpur (Embargo)

Masyarakat Islam juga tidak harus bersikap fanatik dengan membelakangkan pemikiran yang waras kerana Islam tidak menyuruh +kita mencipta, menambah dan mewajibkan berbagai-bagai 'ibadat' baru sehingga memudaratkan kita+.

Dr Mahathir berkata jika majoriti orang Islam meninggalkan kerja biasa mereka untuk melibatkan 'ibadat' ciptaan ini, mereka akan menjadi miskin dan daif dan orang seperti ini mudah diperalat dan ditindas oleh orang lain.

Katanya, walaupun hanya sekumpulan kecil sahaja yang membuat perkara ini, beban kepada orang islam lain akan bertambah. Sebaliknya orang Islam lain pula tidak mampu memikul beban tambahan.

Megenai ekonomi, Beliau berkata Malaysia berjaya mencapai kadar pertumbuhan yang menggalakkan dan di samping itu, inflasi dan pengangguran pula dapat dikawal.

Keadaan ekonomi yang baik ini membolehkan rakyat menikmati taraf hidup yang tinggi dan kakitangan kerajaan pula dapat menikmati gaji baru berikutan kedudukan kewangan negara yang kukuh. -- Lagi

▼04/04/10-53MST

CNS9669

R GB 04-04 00146 BA111

aab

Mahathir 3 Kuala Lumpur (Embargo)

Rakyat di Malaysia sungguh bertuah berbanding dengan rakyat negara-negara lain, katanya dan menambah kata, kemudahan paling asas seperti air dan elektrik, yang dianggap perkara biasa di negara ini, hampir tidak wujud di beberapa buah negara.

Di sesetengah negara majupun, kehidupan rakyatnya tidaklah sebegitu bahagia seperti yang digambarkan, malahan rakyatnya yang tidak mempunyai tempat tinggal dan makan minum ditanggung oleh rumah-rumah kebajikan.

Di sesetengah negara pula, orang Islam ditindas sehingga tidak dapat mengerjakan ibadah.

Dr Mahathir juga menyeru semua pengguna jalan raya supaya berhati-hati kerana lebih daripada sembilan puluh peratus kemalangan jalan raya, disebabkan oleh kesilapan pemandu.

+Kita boleh mengelak daripada berlakunya kemalangan dengan memandu dengan cermat serta bersabar sedikit. Amatlah menyedihkan apabila pada hari perayaan, kita mendengar kematian yang begitu ramai di kalangan pengguna jalan raya,+ katanya. -- Lagi

▼04/04/10-57MST

CNS9670

R GB 04-04 00104 BA112

aab

Mahathir 4 (Akhir) Kuala Lumpur (Embargo)

Justeru itu berjaga-jagalah ketika berada di jalan raya, dan janganlah kerana ingin sampai 15 minit atau 20 minit lebih awal, akibatnya pemandu dan keluarga menemui maut.

Dr Mahathir berharap semoga kaum bukan Islam akan memeriahkan hari raya ini dengan mengunjungi rakan-rakan Islam mereka kerana ini akan mengeratkan lagi persahabatan serta persefahaman dan dengan ini mengekalkan keamanan negara.

+Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua Muslimin dan Muslimat, semoga kita semua mendapat taufik dan hidayat daripada Subhanahu Wa Ta'ala,+ kata Perdana Menteri. -- Bernama

▼04/04/10-58MST